

Tingkat aspek keselamatan soalan peperiksaan

PEPERIKSAAN Penilaian Menengah Rendah (PMR) diadakan mulai hari ini hingga 5 Oktober di seluruh negara. Seramai 469,133 calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan itu tahun ini.

Kita mengucapkan selamat menghadapi peperiksaan kepada semua calon, semoga mendapat kejayaan cemerlang tahun ini tanpa diganggu gugat dengan masalah soalan bocor seperti yang heboh diperkatakan selepas Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada awal bulan lalu.

Laporan yang menyatakan bahawa calon UPSR tidak perlu menduduki semula peperiksaan itu kerana siasatan mendapati tidak berlaku kebocoran sudah tentu melegakan pelajar terbabit dan ibu bapa mereka.

Menjadi harapan semua pihak agar tidak ada lagi kedengaran aduan mengenai kebocoran soalan sama ada dalam peperiksaan PMR, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau mana-mana peperiksaan utama kelolaan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

Dalam peperiksaan PMR ini, tentu perkara pertama diharapkan ialah tidak ada lagi aduan ada kebocoran dalam mana-mana kertas soalnya.

Masyarakat berharap LPM akan dapat memastikan bahawa peperiksaan utama akan dapat dilaksanakan dengan efektif selari dengan Piagam Pelanggan LPM iaitu bertanggungjawab untuk mengendalikan peperiksaan dengan cekap, licin dan selamat.

Usaha ini dapat dilakukan antara lain dengan meningkatkan pengurusan peperiksaan yang selamat, cekap, berkesan, canggih dan dinamik berteraskan pembaharuan berterusan.

Seperti misi LPM iaitu mengadakan sistem peperiksaan dan penilaian kebangsaan yang terjamin dari

segi kesahan dan kebolehpercayaan semua program peperiksaan dan pentaksiran ke arah pembelajaran yang berkesan, tentu sekali harapan rakyat amat tinggi bahawa peperiksaan dapat dijalankan dengan tiada sebarang unsur penyelewengan.

Dalam konteks ini, tentu sekali aspek untuk mencegah penyelewengan yang boleh mengakibatkan pelbagai bentuk kerugian atau kehilangan atau kemusnahan ke atas bahan, dokumen peperiksaan yang diklasifikasikan sebagai bahan/dokumen perlu diberi perhatian.

Hukuman sewajarnya perlu dikenakan ke atas individu yang didapati bersalah melakukan penyelewengan ini. Di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pin 1/88), sesiapa yang didapati membocorkan, menyiarkan atau menyampaikan; sama ada secara lisan atau bertulis tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa, maka orang itu adalah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum penjara tidak lebih tujuh tahun atau denda tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Negara amat mengharapkan aspek keselamatan peperiksaan dan juga kesahan dan kebolehpercayaan kertas soalan peperiksaan utama negara perlu diberi perhatian oleh LPM. Tentunya hasrat ini selari dengan wawasan LPM iaitu membangunkan sistem peperiksaan dan penilaian pusat yang canggih serta pentaksiran bestari dan menggunakan teknologi mutakhir serta berkebolehan menghasilkan keputusan yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi mendapat pengiktirafan global.

DR SAPORA SIPON,
*Program Kaunseling, Fakulti
Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam Malaysia.*